

## **KDPB SULTAN PAHANG BERKENAN MENYEMPURNAKAN ISTIADAT PEMBUKAAN SIDANG DEWAN NEGERI PAHANG**

**KUANTAN, 6 MEI 2024** : Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni AlMarhum Sultan Haji Ahmad Shah berkenan menyempurnakan Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Dewan Negeri Pahang yang berlangsung di Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Baginda turut diiringi anakanda baginda, Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Turut hadir ialah YAB Menteri Besar, Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail, YB. Speaker Dewan Negeri Pahang, Dato' Sri Mohd Sharkar Shamsuddin, YB. Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Haji Zulkifli Yaacob, YB. Penasihat Kewangan Negeri Pahang, Dato' Indera Nazri Abu Bakar, YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Dato' Saiful Edris Zainuddin dan barisan Exco Kerajaan Pahang.

Baginda tiba di perkarangan Wisma Sri Pahang kira-kira jam 9.35 pagi dan disambut oleh barisan kepimpinan Kerajaan Pahang sebelum baginda memeriksa Kawalan Kehormat oleh seramai 290 petugas daripada pasukan tentera.

Ini merupakan kali pertama Baginda Sultan menyempurnakan Istiadat Pembukaan Sidang Dewan Negeri selepas baginda ditabalkan sebagai Sultan Pahang dan menerajui kepimpinan negara sebagai KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selama lima tahun bermula 2019 hingga 2024.

Sidang Dewan Negeri akan berlangsung selama empat hari bermula Rabu hingga Isnin depan dan dihadiri kesemua 42 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) seluruh Pahang.  
– **PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi Strategik (UKS)**

**#MajuTerusPahang**

**#Pahang1st**

**#KerajaanNegeriPahang**

**Oleh : Fansurina Abdullah**

**Foto : Farizul Hafiz Awang**

(LIPUTAN BERGAMBAR)



